



جایز اکام جوهر

JABATAN AGAMA JOHOR
BAHAGIAN PENDIDIKAN,

Tkt. 3 & 4, Blok B, Pusat Islam Iskandar Johor,
Jalan Masjid Abu Bakar,
80990 Johor Bahru.

FOLDE
SIRI NO

Ketua Pen. Pengarah: 07-2282928

Pentadbiran/Am : 07-2282930/32/33/55

Faks : 07-2233178

Laman Web : <http://www.jaj.gov.my/pendidik>

Sila nyatakan rujukan bilangan surat kami
apabila menjawab

Rujukan Kami : Bil.(6)PPAJ. 1/2/3(pendua)
Tarikh : 30 Zulhijjah 1428
09 Januari 2008

Ketua Penolong Pengarah, Bahagian Pendidikan Jabatan Agama Johor

Penolong Pengarah Unit Pengurusan Sekolah

Penolong Pengarah Unit Pengurusan Pembangunan Kemanusiaan

Penolong Pengarah Unit Akademik



Ketua Jemaah Nazir

Penolong Pengarah Seksyen Pengurusan Sekolah Menengah & Tahfiz

Penolong Pengarah Seksyen Pengurusan Sekolah Rendah

Penolong Pengarah Seksyen Latihan Dan Pembangunan Kerjaya

Penolong Pengarah Pembangunan Kerjaya

Penolong Pengarah Seksyen Hal Ehwal Murid

Penolong Pengarah Seksyen Kurikulum

Penolong Pengarah Seksyen Peperiksaan Dan Penilaian

Penolong Pengarah Kurikulum

Pegawai Pendidikan Agama Daerah Johor Bahru

Pegawai Pendidikan Agama Daerah Muar


Pegawai Pendidikan Agama Daerah Batu Pahat

Pegawai Pendidikan Agama Daerah Kota Tinggi

u. lraan
sila panyangkan ke 2m
Timor dan 2m Baret

15/1/08

2/..



Pegawai Pendidikan Agama Daerah Kluang

Pegawai Pendidikan Agama Daerah Segamat
Pegawai Pendidikan Agama Daerah Pontian

Pegawai Pendidikan Agama Daerah Mersing

Tuan/Puan,


**SURAT PEKELILING IKHTISAS BAHAGIAN PENDIDIKAN
JABATAN AGAMA JOHOR BILANGAN 1/2008
Panduan Pakaian Pegawai Perkhidmatan Pendidikan Semasa
Melaksanakan Proses Pengajaran dan Pembelajaran**

Dengan hormatnya dimaklumkan bahawa perkara di atas adalah dirujuk.

2. Sehubungan dengan itu bersama-sama ini disertakan Surat Pekeliling Ikhtisas Bahagian Pendidikan Jabatan Agama Johor Bilangan 1/2008 Panduan Pakaian Pegawai Perkhidmatan Pendidikan Semasa Melaksanakan Proses Pengajaran dan Pembelajaran untuk dipanjangkan kepada semua guru dan pegawai di bawah kawalan tuan/puan.

Sekian, harap maklum.

"BERKHIDMAT UNTUK NEGARA"


(DATO' HJ. ZAILIL BIN HJ. BARON)
Pengarah,
Jabatan Agama Johor.

Bil(4) dlm PPAJ/1/2/3(Pendua)



**BAHAGIAN PENDIDIKAN
JABATAN AGAMA JOHOR**

SURAT PEKELILING IKHTISAS BILANGAN 1 TAHUN 2008

**PANDUAN PAKAIAN PEGAWAI PERKHIDMATAN PENDIDIKAN
SEMASA MELAKSANAKAN PROSES PENGAJARAN DAN PEMBELAJARAN**

TUJUAN

1. Surat Pekeliling ini bertujuan untuk menjelaskan mengenai peraturan mengenakan pakaian yang sesuai dipakai oleh Pegawai-pegawai Perkhidmatan Pendidikan di bawah Jabatan Agama Johor semasa melaksanakan proses pengajaran dan pembelajaran. Sementara lain-lain peraturan dalam Pekeliling Ikhtisas Bil. 6/2003 Bab C Peraturan Am Perkhidmatan Keguruan Guru Agama Kerajaan Johor Bil.2 m/s 44-45 dikekalkan. Peraturan ini adalah sebagai menambahbaikkkan lagi peraturan berpakaian yang sedia ada yang meliputi semua pegawai perkhidmatan pendidikan yang bertugas di Sekolah Menengah Agama Kerajaan Johor, Sekolah Rendah Agama Bersepadu, Darjah Khas, Sekolah Rendah Agama Kerajaan Johor, TAJ dan KAFA.

LATAR BELAKANG

2. Mutakhir ini, usaha-usaha untuk memartabatkan profesion keguruan semakin mendapat perhatian daripada pihak kerajaan. Seiringan dengan itu, guru-guru agama kerajaan Johor juga diseru untuk meningkatkan lagi profesion ini supaya peranan guru-guru agama sebagai da'ei dan murabbi mampu menyerlahkan lagi imej seorang guru agama yang dedikasi. Jabatan Agama Johor, Bahagian Pendidikan menetapkan supaya identiti pakaian pegawai-pegawai perkhidmatan pendidikan yang bertugas di sekolah samada di peringkat rendah dan menengah turut diseragamkan dengan fesyen dan 'design' yang lebih pragmatik dan menyerlahkan lagi imej sebagai seorang guru.

PAKAIAN GURU LELAKI SEMASA MELAKSANAKAN P&P

3. Pakaian guru lelaki ditetapkan Baju Kemeja dan berwarna "Biru Atlantic" jenis "Revaldo Baby Silk Bercorak" sebagaimana keterangan dalam jadual.

Bil	Jenis Pakaian	Contoh	Syarat
1	Baju kemeja berlengan panjang:- Berkolar Baju Melayu "leher sejari" berbutang tiga.	Lampiran A	Berseluar panjang warna gelap. Lengan Baju jangan dilipat. Kemeja hendaklah dimasukkan ke dalam(tuck in).

4. Bersongkok Hitam dan tinggi songkok ditetapkan tidak melebihi 5 inci.
5. Berstokin
6. Berkasut Kulit Hitam dan Bertali.

PAKAIAN ALTERNATIF GURU LELAKI SEMASA MELAKSANAKAN P&P

4. Berbaju Melayu Telok Belanga, Bersamping dagang luar, Bersongkok hitam, berkasut kulit hitam dan bertali dan berstokin gelap.

PAKAIAN GURU PEREMPUAN SEMASA MELAKSANAKAN P&P

5. Pakaian Guru Perempuan adalah mengikut peraturan dan pekeliling sebelum ini. Walau bagaimanapun warna pakaian tersebut ditetapkan "Biru Atlantic" jenis "Revaldo Baby Silk Bercorak" dan bertudung mini telekung hingga ke paras siku berwarna cerah dan tidak bercorak. Semua guru perempuan dilarang memakai purdah sepanjang berada di kawasan sekolah dan ketika menghadiri acara dan perjumpaan rasmi kerajaan. Contoh pakaian guru perempuan boleh dilihat di Lampiran B.

FESYEN BATIK MALAYSIA ALTERNATIF UNTUK GURU LELAKI DAN PEGAWAI PERKHIDMATAN PENDIDIKAN(LELAKI) YANG BERTUGAS DI BAHAGIAN PENTADBIRAN DAN PENGURUSAN

6. Pakaian batik Malaysia hendaklah dipakai oleh semua Pegawai Perkhidmatan Pendidikan di bawah Jabatan Agama Johor semasa bekerja pada 1hb dan 15hb setiap bulan atau semasa menghadiri upacara rasmi yang mensyaratkan pemakaiannya. Sehubungan itu, fesyen pakaian batik Malaysia alternatif bagi pegawai lelaki adalah mengikut pilihan berikut:

Bil	Jenis Pakaian	Contoh	Syarat
1	Baju kemeja berlengan panjang:- Berkolar Baju Melayu "leher sejari" berbutang tiga.	Lampiran C	Berseluar panjang warna gelap. Lengan Baju jangan dilipat. Sekiranya dipadankan dengan kot, baju kemeja batik hendaklah dimasukkan ke dalam(tuck in).

**PAKAIAN SEMUA PEGAWAI PERKHIDMATAN PENDIDIKAN LELAKI
PADA HARI JUMAAT**

7. Berbaju Melayu Telok Belanga, Bersamping dagang luar, Bersongkok hitam, berkasut kulit hitam dan bertali dan berstokin gelap.

**PAKAIAN KURSUS DAN MAJLIS-MAJLIS RASMI JABATAN DAN
KERAJAAN**

8. Pekeliling Tetap Kerajaan Johor Bil. 123 Pakaian Seragam dan Cara Berpakaian bagi anggota Perkhidmatan Awam Johor SUKJ.534/54. Jld. 2(23) bertarikh 11 Januari 2003 hendaklah dipatuhi. Pekeliling ini ada dijelaskan dalam Pekeliling Ikhtisas Bil 6/2003, Bab C Peraturan Am Perkhidmatan Keguruan Sekolah-Sekolah Agama Kerajaan Johor halaman 44-45. Walau bagaimanapun peraturan pakaian dalam pekeling ini boleh diguna pakai sebagai pakaian alternatif.

**PAKAIAN BERTUGAS ALTERNATIF BAGI PEGAWAI-PEGAWAI
PERKHIDMATAN PENDIDIKAN YANG BERTUGAS DI BAHAGIAN
PENTADBIRAN DAN PENGURUSAN PEJABAT DAN JABATAN**

9. Semua Pegawai Perkhidmatan Pendidikan yang bertugas di Bahagian Pentadbiran dan Pengurusan Pejabat dan Jabatan hendaklah mematuhi Pekeliling Tetap Kerajaan Johor Bil. 123 Pakaian Seragam dan Cara Berpakaian bagi anggota Perkhidmatan Awam Johor SUKJ.534/54. Jld. 2(23) bertarikh 11 Januari 2003. Walau bagaimanapun pekeling ini juga dipanjangkan kepada semua pegawai di Bahagian Pentadbiran Pejabat dan Jabatan sebagai pakaian alternatif.


PENGECUALIAN

10. Pegawai Perkhidmatan Pendidikan yang bertugas di Sekolah Menengah Agama Kerajaan Johor dan Sekolah Rendah Agama Bersepadu(SRAB) sebagai Pengetua atau Guru Besar, Guru Penasihat Badan Beruniform atau Pemimpin Badan Beruniform dibenarkan memakai pakaian seragam masing-masing pada setiap Hari Rabu.

TARIKH KUATKUASA

11. Surat Pekeliling Ikhtisas ini berkuatkuasa mulai 16 Mac 2008.

"BERKHIDMAT UNTUK NEGARA"



(DATO' HJ. ZALIL BIN BARON)

Pengarah,
Jabatan Agama Johor

Tarikh : 29 Zulhijjah 1428 bersamaan 8 Januari 2008

s.k.

Pengerusi Jawatankuasa Agama Islam, Pelajaran, Pengajian Tinggi, Sumber Manusia, Sains Teknologi Dan Inovasi Kerajaan Johor.


Ketua Penolong Pengarah Bahagian Pendidikan Jabatan Agama Johor

Ketua-ketua Unit, Bahagian Pendidikan Jabatan Agama Johor.


Ketua-ketua Seksyen, Bahagian Pendidikan Jabatan Agama Johor.

Pegawai Pendidikan Agama Daerah Johor Bahru, Batu Pahat, Muar, Kota Tinggi, Kluang, Pontian, Segamat, Mersing.

Kemeja Berkolar Baju Melayu Leher Sejari Berbutang Tiga



Pandangan Hadapan




Pandangan Belakang

LAMPIRAN A


Kemeja Berkolar Baju Melayu Leher Sejari Berbutang Tiga
Dipadankan Dengan Kot

Baju Kurung Johor Lengan Baju Berbutang(cuff)

LAMPIRAN B




Pandangan Hadapan




Pandangan Belakang


Kemeja Batik Malaysia Berkolar Baju Melayu Leher Sejari Berbutang Tiga



Pandangan Hadapan



Pandangan Belakang



Kemeja Batik Malaysia Berkolar Baju Melayu
Leher Sejari Berbutang Tiga Dipadankan Dengan Kot